

Tarikh : (Dirakamkan pada hari Jumaat, 16 April, 04 - 3.35ptg.) - 19.04.04

PEKA, BUKAN PEKAK BAGI MENINGKATKAN KEHEBATAN DIRI

Assalamualaikum wbt.,

Tuan2 puan2 sidang pendengar peminat setia RMPP yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah bersama lagi kita pada pagi bertuah ini. Pada pagi ini saya tergerak untuk membincang topik ini. Topik yang saya kira amat penting bagi semua kita yang pada hakikatnya memang mau meningkatkan kehebatan diri masing-masing. Tuan2, puan2 saudara saudari yang saya hormati. Dalam hidup kita ini, kita yang normal sentiasa berusaha berbagai cara untuk meningkatkan pengetahuan, meningkatkan pengalaman demi menjadikan diri kita individu yang lebih berfungsi dan menjadi sesuatu yang bernilai bukan sahaja kepada diri malah kepada seluruh masyarakat. Dalam usaha meningkatkan kehebatan diri kita, adalah amat perlu kita menjadi manusia yang bukan sahaja berfikiran positif, malah sensitive terhadap teguran. OKbila saya sebut perkataan sensitive, mungkin ada di antara kita yang menjadi keliru. Ramai juga di antara kita yang beranggapan, untuk menjadi hebat seseorang itu harus berani, cecal dan jangan sensitif, kerana sifat sensitive tidak membantu dalam perkembangan diri. Untuk itu, elok saya jelaskan bahawa sensitive yang saya maksudkan di sini bukan sensitive yang bermaksud mudah terusik. Bukan sensitive yang bermaksud mudah terasa bila ditegur. Bertelinga nipis. Lekas atau cepat menjadi marah jika dinyatakan sesuatu yang tidak baik mengenai diri kita. Sensitif yang saya maksudkan dalam ungkapan saya itu ialah, mudah dan cepat mengesan sebarang tindalaku yang ditujukan kepada kita. Iaitu Peka. Saya berkata demikian adalah kerana demi untuk memperbaiki diri, kita sepatutnya sentiasa mengalu-alukan apa jua pandangan yang tidak elok mengenai diri kita. Kerana yang tidak elok, sesuatu yang tidak baik yang ada pada diri kita itulah yang perlu diperbetul / dibaiki, bagi meningkatkan kehebatan diri kita. Dalam hal ini, saya kira ramai di antara kita yang bersetuju bahawa tidak ramai orang yang sanggup menegur mengenai kelemahan seseorang. Tidak ramai yang sanggup menegur kelemahan kita secara verbal. Tetapi pelakuan mereka tidak dapat disembunikan. Pelakuan orang lain terhadap kita, tetap menceritakan sesuatu. **Jadi dalam hal inilah yang kita kena sensitive.** Kita kena peka terhadap apa yang sedang berlaku di sekeliling kita. Kita kena mudah dan cepat sedar mengenai pelakuan orang lain terhadap kita.

Tuan2 puan2 adik kakak yang saya hormati. Pada diri kita ini, ada perkara2 yang kita tidak tahu, tidak sedar, tetapi diketahui, disedari oleh orang lain. Oleh itu dalam hubungan kita dengan orang lain, kadang-kadang mereka telah mengesan sesuatu 'yang tidak kena' pada diri kita. Misalnya terdapat sesuaatu pada hidung kita. Ada sesuatu pada permukaan hidung. Dlm. Keadaan demekian siapa saja yang sedang bercakap dengan kita pasti tidak akan selesa. Jadi kawan atau orang yang berhadapan dengan kita itu mungkin akan mrlakukan sesuatu tindakan; misalnya, memicit-micit hidungnya atau mungkin akan mengeluarkan sapatangan dan menghembus hidungnya beberapa kali. Pelakuannya yang diulang-ulang itu sebenarnya merupakan satu mesej; menceritakan sesuatu kepada kita. Dalam hal seperti inilah yang kita perlu sensitive. Perlu peka dan cepat sedar. Kadang-kadang bila kita sedang bercakap dengan seseorang, tiba-tiba kita dapati orang berkenaan berpaling muka secara sopan, atau memicit-micit hidungnya. Dia mungkin sedang memberitahu kita bahawa nafas kita berbau. Atau membersihkan matanya, memberitahu kita bahawa terdapat sesuatu pada mata kita yang perlu dibersihkan bagi menyelesaikan suasana perbincangan yang sedang berjalan. Bila kita sedar keadaan ini, kita kenalah bertindak betul. Kita kena terima baik 'mesej'nya itu dan bertindak membetulkan keadaan. Ada kalanya pulak kita dikritik secara tidak langsung. Ini pun satu perkara lagi yang kita kena sedar. Ingat! **Peka bukan pekak.** Bila kita mendengar sesuatu cerita, bertindaklah secara kritikal. Semak samada kita boleh dikategorikan dengan watak2 mereka yang berperanan dalam cerita berkenaan. Dengan cara yang demikian kita sentiasa menyemak diri kita. Kita sentiasa mengesan kekuatan dan kelemahan diri. Yang baik, yang kuat kita perkukuhkan. Yang lemah, yang tak elok kita perbaiki. Dengan itu hari ini pasti akan menjadi lebih baik dari kelmarin dan esok insyaallah akan lebih baik dari hari ini. Sekian untuk renungan dan sama-sama kita perbaiki diri demi menjadi insan, menjadi anak, menjadi ibu, menjadi bapa, menjadi kawan, menjadi pekerja yang boleh dijadikan contoh. Wassallam.....